

# Juara Pertandingan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) bagi Kategori Kaedah Pentaksiran / Penilaian Alternatif di K-Novasi P&P 2018.



KUALA LUMPUR 18 Januari – Suriani Alland Rice Oxley, School Improvement Specialist Coaches (SISC+), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah menjuarai Pertandingan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) bagi kategori Kaedah Pentaksiran / Penilaian Alternatif di K-Novasi P&P 2018.

Kajian dan inovasi beliau yang bertajuk “Enhancing Teacher’s Reflection Skill In Classroom Testing To Improve Pupils’ English Language Performances Using ‘Gigi Buruk’ Ruler” telah melayakkan beliau membawa pulang wang tunai sebanyak RM1000, medal emas dan sijil.

Karnival Inovasi Pengajaran & Pembelajaran UKM atau K-Novasi P&P 4.0 dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai satu usaha menggiatkan aktiviti mentransformasi sistem pembelajaran dengan menyemarakkan

budaya berinovasi dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dikalangan ahli akademik.

K-Novasi P&P 4.0 telah menarik minat seramai 273 orang ahli akademik dari seluruh institusi pendidikan di seluruh Malaysia yang menyertai Pertandingan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) bagi 3 kategori iaitu e-Pembelajaran/Bahan Bantu Mengajar, Kaedah Pengajaran/ Penyeliaan Pelajar dan Kaedah Pentaksiran Penilaian Alternatif.

Karnival ini telah mula dianjurkan semenjak tahun 2014 yang bertujuan untuk mengenal pasti produk dan inovasi P&P yang boleh diketengahkan di peringkat kebangsaan melalui Pertandingan Inovasi P&P di samping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga akademik berkaitan teknik atau pendekatan inovasi P&P terpilih melalui Bengkel Nano Inovasi P&P.

Selain itu, pelaksanaan karnival ini juga adalah untuk berkongsi idea serta pandangan mengenai isu-isu utama berkaitan dengan P&P daripada perspektif yang berbeza terutamanya dalam kontek menyahut cabaran industri 4.0 melalui program baharu yang diperkenalkan dalam K-Novasi ke-4 iaitu program Bicara 4.0 yang disampaikan oleh pakar dalam & luar negara.



---

**Tahun 2018, Melangkah ke  
Hadapan**



**LABUAN, 9 Jan** – Melangkah ke Hadapan, Membuka Minda, Menjana Pemikiran, Mencakna Perubahan, Meneruskan Perjalanan, Menuju Matlamat, Mencapai Kualiti Kemenjadian Murid dan Kualiti Sekolah, merupakan tema perhimpunan bulanan bagi bulan Januari 2018, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin berkata, warga pendidik di Labuan perlu melangkah ke hadapan seiring dengan pelaksanaan gerak kerja profesional KPPM 2018 iaitu fokus kepada Pendekatan, Sasaran Mikro, Bidang Tumpuan dan Program Strategik.

Keberhasilan utama Pendidikan Malaysia dilihat dari dua perspektif penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu kualiti sekolah dan kualiti kemenjadian murid.

Dalam majlis tersebut, turut diadakan penyampaian Anugerah Khas Pengarah 2017, Jasamu dikenang kepada warga pendidik yang telah bersara, Sijil-sijil kecemerlangan

dan penghargaan, *Staff of the month* dan meraikan hari lahir warga pendidikan yang lahir pada bulan Januari.

Selamat kembali bertugas kepada seluruh warga pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dengan amanah dan harapan kemenjadian serta kecemerlangan murid secara holistik perjuangan bersama.

---

## Kenaikan Pangkat Suatu Amanah dan Tanggungjawab



LABUAN, 8 Jan – Kenaikan pangkat bukanlah suatu kemegahan, sebaliknya merupakan suatu amanah dan tanggungjawab berat yang perlu dipikul.

Demikian ucapan Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin, sempena Majlis Penyampaian Surat Kenaikan Pangkat di Bahagian Teknologi

Pendidikan Negeri.

Beliau menyeru semua penerima kenaikan pangkat memikul amanah dan tanggungjawab ini dengan sepenuh hati serta integriti yang tinggi pada setiap masa.

Di majlis tersebut, seramai 84 orang warga pendidikan menerima surat kenaikan pangkat terdiri dari 82 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) , 2 orang Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP).

Dengan adanya penambahbaikan kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan memberi peluang yang luas kepada laluan kerjaya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan merupakan satu penghargaan serta pengiktirafan kepada para guru.



Puan Maimoon menerima surat kenaikan pangkat daripada Encik Raisin Saidin

---

# 15,517 murid memulakan sesi persekolahan 2018 di Labuan



**LABUAN, 2 Januari** – Seramai 15,517 murid memulakan sesi persekolahan 2018 di Labuan hari ini.

Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin berkata, daripada jumlah tersebut seramai 5,523 orang merupakan pelajar sekolah menengah manakala baki 9,994 adalah murid sekolah rendah.

Pendaftaran murid tahun 1 di Labuan pada tahun ini ialah seramai 1,693 menunjukkan peningkatan sebanyak 132 iaitu 8.45% berbanding tahun lepas 1,561 murid.

Kemasukan pelajar tingkatan 1 juga meningkat berbanding tahun lepas iaitu sebanyak 1,119 kepada 1,196 tahun ini iaitu penambahan 77 orang (6.9%).

Semasa lawatan pada hari pertama persekolahan di Labuan, Encik Raisin Saidin berpuas hati dengan semua murid yang ditempatkan di sekolah mempunyai meja dan kerusi yang mencukupi.

Beliau juga melahirkan rasa gembira dengan kehadiran ibu bapa yang ramai ke sekolah pada hari ini bagi memberi semangat dan motivasi kepada anak-anak mereka.

Kehadiran dan penglibatan ibu bapa ini diharap berterusan melalui aktiviti sekolah dengan bergiat aktif dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) mahupun Persatuan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK).

Antara program pertama dilaksanakan di semua sekolah adalah adalah program minggu transisi murid tahun 1 yang bertujuan untuk mendedahkan dan membiasakan murid dengan suasana persekitaran sekolah.

*Selamat Kembali ke Sekolah dan Selamat Tahun Baharu 2018 kepada semua Guru, Warga Sekolah dan Murid. Marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan memacu kecemerlangan pendidikan bagi memastikan kemenjadian anak-anak murid WP Labuan yang holistik.*

*Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan.*



Warga Sekolah menyambut kehadiran murid di SK Bukit Kalam melalui Program Guru Penyayang

---

## Majlis Makan Malam JPWPL 2017



**Labuan, 3 Dis** : Majlis Makan Malam 2017 Jabatan Pendidikan WP Labuan telah berlangsung di salah sebuah hotel di Labuan yang dianjurkan oleh Kelab Pendidikan Labuan dengan tema '*Bollywood Night*'.

Pada tahun ini, jawatankuasa penganjur mengetengahkan persembahan berbentuk drama muzikal gabungan tayangan filem pendek dan persembahan daripada AJK Kelab Pendidikan secara '*live*'.

Dalam ucapan aluan, Pengarah pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin mengucapkan syabas dan tahniah kepada penganjur kerana dapat membawa kelainan dalam majlis makan malam pada kali ini.

Turut diadakan mesyuarat agung bagi memilih calon Ahli Jawatankuasa yang baharu. Encik Roziman Sabtu dan Puan Zaliha Mohd Salleh telah dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Kelab Pendidikan Labuan bagi sesi 2018/2019.

Sementara itu , Pengerusi Kelab Pendidikan sesi 2016/2017, Puan Suriani Alland Rice Oxley mengucapkan terima kasih kepada semua AJK yang terlibat dalam menjayakan majlis makan malam ini dan program aktiviti kelab yang berjalan dengan lancar.

Pihak Jabatan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada ahli jawatankuasa sesi 2016/2017 yang telah banyak menjayakan program dan aktiviti Kelab Pendidikan sepanjang dua tahun ini.





**Labuan, 23 Nov** : Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan WP Labuan 2017 telah diadakan bertempat di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, WP Labuan yang telah disempurnakan oleh Puan Maimoon bt Hj Matnoh, Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Majlis ini diadakan bagi menghargai sumbangan warga pendidikan dalam bidang teknologi pendidikan dan mengiktiraf segala bentuk pencapaian sekolah berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Puan Maimoon berkata, semua warga pendidikan terutama kepada pentadbir sekolah, Guru Penyelaras Bestari dan ICT, Guru Perpustakaan dan Media, Juruteknik Komputer sekolah harus memainkan peranan penting dan sentiasa memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan ICT dapat dimanfaatkan sepenuhnya terutama dalam bidang pembelajaran di sekolah.

Pelbagai anugerah telah disampaikan, antaranya adalah Anugerah Digital Story Telling, Pengurusan Data dan Maklumat Sekolah, Anugerah Laman Web, Ikon Guru Data, Guru Penyelaras Bestari/ICT, Guru Perpustakaan dan Media, Anugerah Juruteknik Komputer, Anugerah Pengurusan Nilam,

Anugerah VLE, Anugerah Pembestarian Sekolah dan Anuegarah Kelab Komputer Penggerak Digital.

Pencapaian keseluruhan pembestarian sekolah bagi tahun 2017 sekolah-sekolah di Labuan telah mencapai 100% melalui pengiktirafan Smart school Qulifiqation Standard (SSQS) iaitu pencapaian sekurang-kurangnya 3 bintang.

Turut hadir Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Encik Ag Marten Abdul Rahman, Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Maklumat JPWPL, Encik Samsudin Yalla, Ketua-ketua Sektor, para Pengetua dan Guru Besar Sekolah.

---

## **Hari Inovasi Pendidikan W.P Labuan (HIP) Tahun 2017**



Labuan, 21 Nov – Majlis Anugerah Inovasi anjuran Jabatan Pendidikan WP Labuan ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan W.P Labuan Encik Raisin Saidin dan bertempat di ruang legar Ujana Kewangan.

Majlis ini merupakan suatu usaha pihak Jabatan Pendidikan untuk membentuk dan membudayakan inovasi dalam kalangan warga pendidikan WP Labuan.

Tema HIP WP Labuan 2017 yang bertemakan, “ **Kreativiti dan Inovasi Pemacu Kualiti dan Pemangkin Organisasi Progresif di abad ke 21**”, adalah bersesuaian dengan matlamat PPPM 2013-2025 yang merujuk kepada aspirasi sistem dan aspirasi murid.



Pengurusan Kaunseling Cemerlang – En. Sabdin bin Japaruddin

Dalam ucapan perasmian, Encik Raisin Saidin menyatakan bahawa :

*“Inovasi merupakan tindak kerja untuk membina satu perkara/ hasil yang baharu atau membuat satu pembaharuan. Dalam hal ini, sebarang inovasi yang dihasilkan dapat menyemarakkan idea kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah bagi guru serta pengurusan berkesan kepada pemimpin dan pengurus di jabatan dan di sekolah. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 amat menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis dalam usaha meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi atau singkatannya KBAT serta kemahiran STEM bagi mengaktifkan pendidikan abad ke21.”*

Anugerah Tokoh Inovasi Negeri W.P Labuan bagi Tahun 2017 telah diberikan kepada **Suriani Alland Rice Oxley, Pegawai Sisc+ Jabatan Pendidikan W.P Labuan.**



Suriani Alland Rice Oxley, Pegawai Sisc+ Jabatan Pendidikan W.P Labuan

Antara Anugerah lain yang telah disampaikan pada majlis tersebut ialah :

1. ANUGERAH KHAS KERJASAMA JALINAN NBOS INOVASI DAN

## KREATIVITI

2. ANUGERAH KEPIMPINAN KREATIF DAN INOVATIF
3. ANUGERAH ADIWIRA PAK 21 TAHUN 2017
4. ANUGERAH WARGA PENDIDIKAN KREATIF DAN INOVATIF
5. ANUGERAH GALAKAN INOVASI PEMIMPIN DI SEKOLAH
6. ANUGERAH KHAS KREATIVITI GURU SEKOLAH
7. ANUGERAH KUALITI (Q) PENGURUSAN JABATAN
8. ANUGERAH KUALITI (Q) PERKHIDMATAN PENGGUNA TEKNOLOGI
9. ANUGERAH KUALITI (Q) PENGURUSAN KEWANGAN
10. ANUGERAH GURU PEMBIMBING INOVASI SEKOLAH
11. ANUGERAH KHAS SOKONGAN INOVASI



Kumpulan KIK 2017 – SMK Taman Perumahan Bedaun

---

# Executive Talk TS25



**Labuan, 16 Nov** – Program *Executive Talk* Transformasi Sekolah 2025 atau ringkasnya TS25 telah memberi pengetahuan dan idea yang cukup bermakna kepada barisan pentadbir pengurusan jabatan dan sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Peserta program disajikan dengan perkongsian ilmu secara santai mengenai TS25 oleh Puan Murni Jaafar, Guru Besar SK Tanjung Aru , Labuan dan Perkongsian amalan terbaik sekolah oleh Puan Jijah Mohamad Suhai, Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun, Labuan.

Program TS25 merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti.

Mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Empat buah sekolah di Labuan telah terpilih dalam program Transformasi Sekolah 2025 iaitu SMK Taman Perumahan Bedaun, SK Tanjung Aru, SK Sungai Bedaun dan SMK Lajau.

Dalam ucapan aluan, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin berkata TS25 adalah satu usaha ke arah melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, disokong kepimpinan yang berkualiti dan berwawasan.

Katanya lagi, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi, ditambah komitmen komuniti yang padu juga penyumbang utama dalam membangunkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dengan mengutamakan kemenjadian murid.

Peserta terdiri dari barisan ketua sektor, pengetua dan guru besar serta pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan WP Labuan.

---

## **Pertandingan Bacaan Puisi Bahasa Inggeris**



**Labuan, 8 Nov** : SMK Labuan dan SKK St Anne masing-masing telah mendapat johan pertandingan Bacaan Puisi Bahasa Inggeris kategori menengah dan rendah peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang telah di adakan di SK Sungai Lada.

Lim Chee Yong dan Kizzer Poh, pelajar tingkatan dua yang dibimbing oleh Pn Norul Syamila Aziz telah muncul johan melalui bacaan puisi 'Love'.

Sementara Ruthneta Jeffry Majuneh dan Nur Alysha Qistina Mohd Ali dari SKK St Anne membaca puisi bertajuk 'Success is mine'.

SK Kerupang pula dinobatkan sebagai pemenang Skrip Terbaik dengan tajuk I'm sorry.

Pertandingan itu dianjurkan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan telah disempurnakan oleh Encik Subari Dwar, Ketua Unit Kokurikulum, Jabatan Pendidikan WP Labuan.

---

# Lawatan EKSA Kastam Diraja Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan



**Labuan, 7 Nov** : Seramai sepuluh orang warga Kastam Diraja Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan telah membuat lawatan Penanda Aras EKSA ke Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL).

Semasa sesi taklimat, Pengarah Pendidikan JPWPL, Encik Raisin Saidin mengucapkan terima kasih kepada Kastam Diraja Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan di atas kunjungan ke jabatan ini.

Beliau berbesar hati agar Jawatankuasa Induk EKSA JPWPL berkongsi pengalaman sama semasa audit sebenar EKSA yang telah dijalankan oleh pihak MAMPU pada bulan Mei yang

lalu.

Warga EKSA Kastam Diraja Malaysia WP Labuan telah melawat ibu pejabat JPWPL di Ujana Kewangan dan juga Pusat Kokurikulum di Ganggarak.

Untuk rekod, Jabatan Pendidikan Labuan telah mendapat pengiktirafan Sijil EKSA Cemerlang pada 1 Jun 2017 sehingga 31 Mei 2019 oleh Pihak MAMPU.